

| | |
|---|---|
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Mahabbah ke Bumi Medan, Indonesia | 8-13 Mei |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Misi Semarak Panji mahasiswa ke Pekan Baru, Indonesia | 1-6 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Ukhwah Terbina Ilmu Tersebar di Tanjung Balai, Indonesia | 9-13 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelog ilmu di Makassar, Indonesia | 10-15 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Seribu Hikmah di Aceh, Indonesia | 10-15 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Jejak Ilmiah di Bumi Jakarta, Indonesia | 19-25 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017 – Misi Kembara Insaniah Memantapkan Ukhwah di Lombok, Indonesia | 24-29 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Soul to Padang, Indonesia | 30 Julai-5 Ogos 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelog Kemanusiaan di Lombok, Indonesia | 1 – 6 Ogos 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017 – To Bali with Faith | 3-8 Ogos 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Wonosobo, Science Facts to Remember | 14 – 20 Ogos 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Spread Peace on the earth Medan, Indonesia | 21-25 Ogos 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Tarbiah di Bumi Yogyakarta, Indonesia | 26-30 Ogos 2017 |
| Global Islamic Students Outreach 2017: Travelog Mahabbah Di Bumi Padang, Indonesia | 27 Ogos – 2 Sept 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Kemasyarakatan ke Bumi Aceh, Indonesia | 24-29 Oktober 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelog Ke Yogjakarta, Indonesia (TRAYOG) | 28 Oktober – 3 November 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017:Kembara Mahabbah di Bumi Sonata | 16-24 Januari 2017 |

## KOREA SELATAN

| | |
|---|---|
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Spread Love In South Korea | 20 – 25 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017 : Kembara Rakan Muda ke Seoul, Korea Selatan | 23-29 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Assalamualaikum Seoul, Korea | 1-8 Oktober 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Assalamualaikum Seoul, Korea | 1-8 Oktober 2017 |

## JEPUN

| | |
|---|---|
| Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Travelog ke Negara Matahari Terbit | 6-12 Februari 2016 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Mahabbah ke Tokyo,Jepun | 3-8 April 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelogue One Heart Mission In Sakura Land | 19 – 26 Julai 2017 |
| Pengembaraan USIM GISO 2017 : Bakti Siswa FKP ke Tokyo, Jepun | 26 Ogos-2 September 2017 |



Buletin Hepa 2017.indd 22 17/11/2017 5:26 PM

### INDIA

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017:April di New Delhi
2-9 April 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Ilmu-Muhibbah di Coimbatore, India
11-18 Julai 2017

### KEMBOJA DAN VIETNAM

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017:Kembara Semai Kasih di Bumi Kemboja-Vietnam
17-22 Januari 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelouge of Technology Heirs (Kemboja-Vietnam)
21-26 Ogos 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Sebaran Ilmu Vietnam, Gemar Takbir Kemboja
29 Ogos-2 September 2017

### VIETNAM

Pengembaraan USIM GISO 2017:Integration Journey of Quran and Sunnah to Ho Chi Minh, Vietnam
21-25 Oktober 2017

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017:Setulus kasih,seindah Ukhwah ke Vietnam
23-28 Januari 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: The Quantum Leap di Ho Chi Minh, Vietnam
18-23 Januari 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelog Korban dan Bakti Siswa ke Ho Chi Minh, Vietnam
30 Ogos-3 September 2017

Global Islamic Students Outreach 2017: Misi Pembangunan Masyarakat dan Pembudayaan Islam di Tay Ninh, Vietnam
18-25 Julai 2017



### THAILAND

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Jaulah Mahabbah di Tanah Songkhla dan Krabi,Thailand
18-23 Januari 2017

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017:Kembara Amal Juragan di Bumi Thailand 2017
3-8 Februari 2017

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Kembara Mahabbah bersama Masyarakat Muslim Krabi dan Hatyai, Thailand
21-25 Januari 2017

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Program Jelajah Kehidupan di Krabi, Hatyai dan Songkhla
2 – 8 Ogos 2016

Pengembaraan USIM GISO 2017 : Kembara Prihatin Krabi dan Hatyai, Thailand
23-28 Januari 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Empowering Ummah Through Youth Generation to Krabi, Thailand
27 Ogos – 2 September 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Seindah Sunnah Semurni Keilmuan Di Songkla Dan Krabi, Thailand
22-27 Julai 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Korban dan Bakti Siswa ke Pattani, Thailand
2-7 September 2017

### MAURITIUS

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Kembara semarak Budaya di Pulau Syurga, Mauritius
20-25 Januari 2017

### LUBNAN

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017:Syrian we come,Kem syria Lubnan
24 Januari- 1 Februari 2017

### POLAND

Pengembaraan USIM GISO 2017:Ziarah Ukhwah Muslim di Warsaw, Poland
23 Ogos-1 September 2018

### KEMBOJA

Pengembaraan USIM GISO 2017 : Pengembaraan Islam di Empayar Khmer Phnom Penh, Kemboja
11-15 Julai 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017 : Voyage of grass upon earth (VOGUE) Phnom Penh, Kemboja
16-21 Januari 2017

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2017: Rantaian Tasbih Semaikan Kasih Ke Phnom Penh, Kemboja
19-25 Januari 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Program Jelajah Kor Suksis USIM ke Bumi Phnom Penh, Kemboja
13 – 18 Oktober 2017

Pengembaraan USIM GISO 2017: Misi Kembara Adha ke Bumi Phnom Penh, Kemboja
30 Ogos-5 September 2017

### FILIPINA

Pengembaraan USIM GISO 2017: Kembara Bumi Cebu “ Bring to Light of Cebu’s World “
8-13 Mei 2017

### TIMOR LESTE

Pengembaraan USIM GISO 2017: Jelajah Kembara Cinta Dili, Timor Leste
25 Ogos-1 September

### MALDIVES

Pengembaraan USIM GISO 2017: Travelog Ghuraba’ D-Male
2 – 9 September 2017

### TAIWAN

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) 2016: Misi Jejak Mukmin dan Jalinan Insaniah ke Taipei,Taiwan.
6 – 11 Oktober 2017

### TURKI

Pengembaraan USIM GISO 2017: Exploration of Mehmed the Conqueror Empirer Istanbul, Turki
28 Oktober- 4 November 2017

### SRI LANKA

Pengembaraan USIM GISO 2017: Definitely Sri Lanka
21-27 Oktober 2017



Buletin Hepa 2017.indd 23 17/11/2017 5:26 PM

# GAP YEAR



## Mahasiswa USIM perintis program Gap Year

**Nilai:** Enam mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi kumpulan sulung pelajar universiti awam (UA) menyertai program Gap Year bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Mereka ialah mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia dengan Kepujian, Mohamad Hassanudin Abu Jamil dan Mohammad Syafiq Rosli; Noorsyafiqah Shaharuddin dan Nazratun Nadiah Sa'don (Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian).

Fatimah Adilah Elias (Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian) serta Sayidatul Aqbaar Zakaria (Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian).

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata pihaknya amat berbangga dengan semangat kesukarelawanan ditonjolkan mahasiswa terbabit.

**Tangguh pengajian**

Katanya, kumpulan itu akan terbabit sepenuh masa selama setahun dalam program berkenaan yang memerlukan mereka menangguhkan pengajian mulai semester ini.

Sepanjang tempoh itu, beliau berkata, mereka akan terbabit dengan Islamic Relief Malaysia (IRM) untuk membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) berkenaan di seluruh negara.

"Mereka menjadi kumpulan pertama menyertai Gap Year, secara langsung menunjukkan universiti ini serius menyahut hasrat dan amanat Menteri Pendidikan Tinggi untuk menjayakannya.

"Harapan saya dan universiti ialah platform ini membentuk pelajar lebih matang serta bersedia menjadi agen perubahan dalam masyarakat kelak, berbakti dan berbudi dengan ikhlas, menerokai pengalaman baharu di luar bilik kuliah serta bertindak sebagai duta USIM," katanya.

**Tidak rugi**

Beliau berkata demikian pada acara penyerahan bendera universiti sebelum mahasiswa terbabit bertolak ke Kampung Buluh Nipis, Muadzam Shah, Pahang, untuk melaksanakan program pertama mereka bersama masyarakat Orang Asli, baru-baru ini.

Mahasiswa berkenaan akan terbabit dalam pelbagai projek disusun bersama IRM di lokasi serata negara, antara lain Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, membabitkan pelbagai kumpulan sasar seperti Orang Asli, nelayan, petani, gelandangan, masyarakat umum, fakir miskin dan mualaf.

Sementara itu, Mohammad Syafiq mengaku amat meminati program khidmat masyarakat serta kesukarelawanan, dan tidak berasa rugi menangguhkan pengajian demi menyertai program Gap Year.

"Pembabitan ini membuka peluang baharu untuk terus menyumbang bakti kepada pelbagai lapisan masyarakat.

"Saya berkongsi aspirasi dengan teman kampus yang turut menyertai Gap Year bahawa program ini akan membentuk diri menjadi mahasiswa lebih berketerampilan, berkepimpinan dan berkeyakinan," katanya.

*Prof Musa (lima dari kiri) bersama mahasiswa USIM yang menjadi kumpulan pelajar sulung UA menyertai program Gap Year.*



PERINTIS PERINGKAT UNIVERSITI AWAM

6 siswa USIM terbabit sepenuh masa selama setahun ikuti program Gap Year











Buletin Hepa 2017.indd 24 17/11/2017 5:27 PM

# GAP YEAR





Buletin Hepa 2017.indd 25 17/11/2017 5:28 PM

# JELAJAH KESUKARELAWAN






Buletin Hepa 2017.indd 26
17/11/2017 5:28 PM























Buletin Hepa 2017.indd 27 17/11/2017 5:28 PM



# USIM RANGKUL ANUGERAH EMAS TERBAIK PADA KONGRES DUTA JAUHAR 3.0

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkul Anugerah Emas Terbaik melalui projek pemangkin taraf sosioekonomi golongan orang kurang upaya (OKU) pada majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 3.0 di Johor Baharu baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, Duta Jauhar USIM membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala iringan dan piala individu serta sijil penghargaan.

Projek tanaman cendawan tiram kelabu dengan tajuk ‘Meningkatkan Potensi Orang Kurang Upaya’ menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam usaha membantu 15 golongan OKU di Batu Pahat, Johor.

Pengarah projek, Muhammad Sollehin Md Satar berkata berdasarkan kajian, golongan OKU sukar mendapat kepercayaan daripada majikan menyebabkan kebanyakan mereka berpendapatan rendah dan kurang berkeyakinan.

“Melalui projek ini peserta OKU diberikan bangsal, peralatan, serta latihan secara teori dan praktikal mengenai penanaman dan penjagaan cendawan.

“Mereka dilatih sehingga menjadi pengusaha cendawan berjaya oleh Duta Jauhar dan mentor projek, Poinem Touman yang merupakan pengusaha cendawan tiram kelabu”.

Katanya pada kongres itu, USIM turut dinobatkan pemenang Anugerah Komitmen Universiti Terbaik, pemenang Anugerah Perak melalui projek Ladang Air dan pemenang dua Anugerah Penyelia Terbaik menerusi pensyarah Fakulti Eknomi dan Muamalat USIM Prof Madya Dr Fuadah Johari.

Majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 3.0 menyaksikan persaingan antara 28 projek berimpak tinggi daripada 21 Institut Pengajian Tinggi di seluruh negara yang mencatatkan penglibatan sejumlah 420 orang mahasiswa dan 100 agensi kerajaan dan swasta.

Duta Jauhar diilhamkan bagi memberi peluang kepada anak muda termasuk mahasiswa menyertai usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat.







Buletin Hepa 2017.indd 28 17/11/2017 5:28 PM

# USIM KEKAL CEMERLANG
## DI BRITISH INVENTION SHOW

SISWA tahun akhir Sarjana Muda Fizik Gunaan, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila menerima Anugerah Utama *International Innovation of The Year (Diamond)* kategori industri di *British Invention Show* (BIS) 2017.

Penganugerahan berlangsung pada 18 hingga 21 Oktober lalu di Barbican Exhibition Centre, London, United Kingdom.

Produk dinamakan Double Layered Roof Cooling System Controlled by Arduino direka khas tiga pelajar, Muhammad Fathi Mohd Said, Muhammad Danish Abd Wahid dan Ainul Husna Mohd Yusoff. Manakala Dr Mohd Azman Hashim @ Ismail selaku pensyarah pembimbing.

Lebih menarik, mereka mendapat inspirasi dari Surah Al-Furqan ayat 48-49 tentang manfaat kejadian hujan untuk menghasilkan inovasi sistem penyejukan bangunan menggunakan elemen tenaga solar dan air.

Menurut Muhammad Fathi, inovasi ini merupakan sistem penyejuk menggunakan tenaga solar yang berfungsi menyejukkan sesebuah bangunan kepada suhu selesa. "Ejen utama penyejuk ini menggunakan air dikitar semula dalam sistem tertutup. Haba panas yang terkumpul di bahagian bumbung akan dipamkan ke kolam penyejuk, kemudian digantikan dengan air yang telah sejuk di bumbung. Proses kitaran ini dikawal satu sistem yang boleh dilaras pada suhu tertentu bagi memastikan ruang dalam sesuatu bangunan selesa," katanya.

Menurutnya, sistem penyejuk mesra alam ini mampu beroperasi secara automatik dan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 40 peratus dengan penggunaan tenaga solar.






"Sistem ini berupaya meliputi keseluruhan bangunan berbanding ciri-ciri pendingin hawa sedia ada yang hanya dapat menyejukkan kawasan di mana dipasang.

"Penggunaan tenaga solar yang menyalurkan tenaga elektrik digunakan sepenuhnya untuk kawal aliran air yang dipam dan sistem kawalan. Keunikan produk ini adalah menggunakan teknologi arduino sebagai pengawal sistem yang belum digunakan secara meluas dalam industri di Malaysia.

"Produk ini juga mudah alih kerana boleh dipasang mengikut keluasan bangunan, selain mudah dipindahkan ke satu-satu tempat. Ia beroperasi melalui dua kaedah iaitu automatik dan manual," katanya.

Menurutnya, sistem berkenaan berfungsi secara automatik apabila mengesan suhu sekitar 34 celsius ke atas dengan mengeluarkan air di sekeliling rumah dan operasi akan berhenti apabila mencapai suhu 28 celsius.

"Hal ini merujuk kepada kajian dijalankan bahawa suhu 34 celsius adalah tidak selesa, manakala suhu selesa pada 28 celsius. Suhu semasa suatu bangunan dapat diketahui dengan merujuk skrin LCD," katanya.

Anugerah tersebut merupakan pencapaian terbaik USIM di BIS sejak 2013.



Buletin Hepa 2017.indd 29 17/11/2017 5:28 PM

# MAJLIS MAKAN MALAM AMAL "CHARITY DINNER FOR FEE AND FRIENDS"




Majlis Makan Malam Amal *"Charity Dinner for Fee and Friends"* dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertujuan untuk melestarikan program kebajikan seperti membiayai yuran pelajar berkelayakan dan mengumpul dana untuk membiayai program pengantarabangsaan pelajar, *Global Islamic Students Outreach* atau singkatannya GISO.



Antara tetamu jemputan istimewa yang hadir terdiri daripada Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Menteri Mentor USIM, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Naib Canselor USIM, YBhg. Prof. Dato' Musa Ahmad, YBhg. Timb. Naib Canselor (HEP Dan Alumni) dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Bertempat di Dewan Tuanku Canselor, majlis yang bermula jam 8.45 malam itu dimulakan dengan bacaan doa serta ucapan aluan daripada penganjur. Disusuli dengan jamuan makan malam diiringi persembahan iringan dari Pusat Kebudayaan USIM. Turut mewarnai majlis ini ialah persembahan dari Siti Nordiana juara Gegar Vaganza musim ke-2.

Dalam ucapan alu-aluan dari Naib Canselor, matlamat penganjuran majlis ini adalah untuk mengumpulkan dana sumbangan dalam usaha USIM melestarikan program-program kebajikan dan pengantarabangsaan pelajar. Selain itu, majlis ini dapat menggalakkan organisasi atau individu terutamanya di kalangan Alumni USIM untuk turut menyumbang dan melibatkan diri dalam usaha melestarikan program-program kebajikan dan pengantarabangsaan ini.

Manakala Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan berkata, inisiatif pelancaran Alumni USIM Chapter Negeri Sembilan amatlah bertepatan bagi membangunkan Negeri Sembilan ini. Beliau berharap, Alumni USIM berupaya dan berkebolehan untuk menyumbang dalam pelbagai cara terutamanya dengan perancangan komprehensif di peringkat nasional melalui *Greater Klang Valley* dan di peringkat Negeri Sembilan melalui Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Sempena Majlis Makan Malam Amal *"Charity Dinner for Fee and Friends"* ini juga, USIM turut melancarkan Buku Foto Pengembaraan USIM *Global Islamic Student Outreach* 2016 dan Alumni Chapter Negeri Sembilan.

## NRIC 2017

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih satu pingat emas dan perak, Anugerah Khas (Anugerah Penyampai Terbaik) serta dua pingat gangsa pada pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (NRIC) 2017 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi produk *Double Layered Roof Cooling System Controlled by Arduino* (Kategori Kejuruteraan Teknologi) manakala Ainul Husna Yusoff menerima Anugerah Penyampai Terbaik menerusi produk itu dengan membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM750.



Ainul Husna, 23 berkata *Double Layered Roof Cooling System Controlled by Arduino* merupakan sistem penyejuk yang menggunakan tenaga solar untuk memberi manfaat kepada sesebuah bangunan yang mana ia mampu menyejukkan bangunan kepada suhu yang selesa seterusnya mengekalkan suhu itu setiap masa melalui fungsi automatik sistemnya.

Katanya produk ini juga berkeupayaan mengurangkan penggunaan kuasa elektrik kerana sistem berkenaan sudah meliputi keseluruhan bangunan berbanding ciri-ciri penghawa dingin sedia ada yang hanya dapat menyejukkan kawasan di mana ia dipasang.

Produk ini mengambil masa lebih kurang setahun untuk siap direka kerana menekankan aspek mesra alam dan pada masa sama memberi faedah kapada sesebuah bangunan, antaranya kepada penghuni rumah, kilang mahupun di kandang ternakan lembu, "katanya dalam kenyataan USIM di sini, hari ini.

Sementara itu, produk 'YAMME' (Kategori Transformasi Sosial dan seni Kreatif) memperoleh pingat perak, manakala 'Dentolight' (Kategori Perubatan dan Sains Kesihatan) dan Qalam Khat (Kategori Transformasi Sosial dan Seni Kreatif) masing-masing memperoleh pingat gangsa.

Turut dipertandingkan dalam pertandingan yang berlangsung pada 15 hingga 17 Ogos lepas adalah produk Al-Quran Waterproof dan Modul Fiqh OKU

## PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI

Kumpulan Aroma yang dianggotai empat orang pelajar Sarjana Muda Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi berjaya menggondol gelaran Naib Juara di Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 bertempat di Philea Mines Beach Resort, Seri Kembangan.

Mempertandingkan produk kiub bunga kantan, kumpulan ini menggunakan sepenuhnya bunga kantan asli dalam menghasilkan produk inovasi untuk tujuan memudahkan penyediaan masakan tanpa mengurangkan keaslian rasa dan aroma bunga kantan.

"Kumpulan Aroma berjaya untuk melayakkan diri ke peringkat akhir berentap bersama 30 kumpulan dari pelbagai institusi pendidikan di peringkat separuh akhir dan melayakkan diri bersama 10 kumpulan ke peringkat akhir yang mana setiap kumpulan perlu membuat pembentangan di hadapan semua juri," ujar Wan Nur 'Afina Abdulah Khir, antara ahli kumpulan Aroma.

Majlis penutup telah dihadiri oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendi dikan Tinggi yang menyampaikan menerima hadiah berupa plak dan wang tunai sebanyak RM 6,000.






# KEMASLAHATAN SISWA SISWI

## SUMBANGAN ZAKAT 2017

| KUTIPAN | ASNAF | BILANGAN PENERIMA | AGIHAN |
|---|---|---|---|
| RM 432,945.76 | Fakir | 330 | RM285,350.00 |
| JUMLAH | | | RM 285,350.00 |

## SUMBANGAN KEBAJIKAN 2017

| KATEGORI | BILANGAN PENERIMA | SUMBANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Sumbangan Kematian Ibu/Bapa (kepada pelajar)** | 39 | RM 500.00 | RM 19,200.00 |
| Sumbangan Kematian Pelajar (kepada waris) | 5 | RM 2000.00 | RM 10,000.00 |
| Sumbangan Kemasukan ke Hospital (3 hari dan ke atas)** | 23 | RM 200.00 | RM 4,600.00 |
| Bantuan Bencana | 14 | Tertakluk kepada keperluan | RM 3,500.00 |
| Bantuan Ehsan | 3 | Tertakluk kepada keperluan | RM 7,500.00 |
| JUMLAH | | | RM 124,293.23 |

** RM400.00 - untuk kematian ibu/bapa sebelum 30 Jun 2016
RM 100.00 - untuk kemasukan ke hospital sebelum 30 Jun 2016

## PINJAMAN KECEMASAN 2017

| BILANGAN PENERIMA | JUMLAH |
|---|---|
| 50 | RM 18,600.00 |
| JUMLAH | RM 11,700.00 |

* maksimum RM 500.00 setiap penerima

*Maklumat adalah sehingga 15 November 2016

# Pesta KONVO USIM KE LIMA BELAS

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية



29 Safar - 4 Rabiulawal 1439H 18 - 23 November 2017
Tapak Pesta Konvokesyen, USIM

Aktiviti & Pertandingan | Program Ilmiah | Jualan & Pameran | Konsert & Persembahan | Sukan & Rekreasi

## ATURCARA PROGRAM PESTA KONVOKESYEN USIM KE-15

**4 November 2017 (Sabtu)**
- 8.00 a.m – 10.00 p.m Semi Tech Challenge (Tamiya)

**15 November 2017 (Rabu)**
- 8.00 p.m – 10.00 p.m Talk : 4th Industrial Revolution : Are We Prepared?

MATLUTHFI

**18 November 2017 (Sabtu)**
- 9.00 a.m - 2.00 p.m Pertandingan Catur
- 9.00 a.m - 2.00 p.m Pentas Daie : "Menuju Kampus Barakah :#iluvusim"
- 9.00 a.m - 10.00 p.m PS4 & XBOX One : Mini Games Tournament
- 8.00 a.m - 10.00p.m Pertandingan Futsal (Penalty Shootout)
- 6.30p.m - 11.00p.m Night Run : Nocturnal Run 2.0

Da'i Adneen, Afiqah, Hakim

**19 November 2017 (Ahad)**
- 8.00 a.m – 10.00 a.m Zumba
- 8.00 a.m – 11.15 a.m Pertandingan Mewarna
- 8.30 a.m - 12.30 p.m Pertandingan Memancing Terbuka
- 4.00 p.m – 6.00 p.m Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen Kali Kelima belas Tahun 2017
  Perasmi : YM Pro Canselor Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz
- 8.00 p.m – 11.00 p.m Bicara Falak: "Fakta vs Hoax Dalam Astronomi"

En.Razlan, En. Shahrin, Amirul

**20 November 2017 (Isnin)**
- 9.00 a.m – 12.00 p.m Pertandingan Hikayat Khalifah Cilik
- 8.00 p.m – 10.00 p.m Humanity Night "Buatmu Rohingya"

En.Hafidz,Dr.Hazmi,En.Musa,Prof. Dato' Dr Musa Ahmad

**21 November 2017 (Selasa)**
- 8.00 a.m – 12.00 p.m Spell It Right
- 9.00 am – 12.00 pm Busking
- 8.00 p.m – 10.00 p.m Forum Sains Teknologi : "Menginsankan Teknologi ke Arah Pembangunan Ummah"

Kamil, Dr.Zulkifli, Prof Norita

**22 November 2017 (Rabu)**
- 9.00 a.m – 10.30 p.m Demonstrasi Badan Beruniform USIM
- 11.00 a.m – 2.00 p.m Bual Bicara : "Graduate Entrepreneur with HOPE"
- 2.00 p.m – 5.00 p.m Fast Typing
- 8.00 p.m – 12.00 a.m Konsert Malam Gema Tadabbur Rububiyyah

En.Azman

Kumpulan Nasyid : HIJJAZ

**23 November 2017 (Khamis)**
- 10.00 a.m-12.00 p.m Forum Perbandingan Sains Islam dan Sains Barat

Dr. Alinor, Prof. Shaharir, Syafiqah

**JOM SERTAI KAMI!**

CFEST2017 | Pesta Konvo USIM 15 | @pestakonvousim1

Buletin Hepa 2017.indd 32 17/11/2017 5:28 PM